

04/07/2002

Umno kemuka senarai calon mampu tawan kedua-dua kawasan

KUALA LUMPUR, Rabu - Barisan Nasional (BN) sudah menyenarai beberapa nama sebagai calon bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata senarai itu akan dikemukakan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Banyak nama juga dalam senarai berkenaan. Kita akan kemukakan senarai itu pada Perdana Menteri untuk diputuskan dalam dua tiga hari lagi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang ini.

Beliau berkata, apa yang pasti, Umno mengemukakan senarai calon yang boleh menawan semula kedua-dua kawasan berkenaan.

Ditanya sama ada anak tempatan akan dijadikan calon, Abdullah berkata:

"Saya ingat orang tempatan pun banyak juga yang bijak...yang berbakat. Apa yang pasti kita nak orang yang boleh menang dan boleh berkhidmat kepada rakyat."

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, mesyuarat jawatankuasa pengurusan hari ini, membincangkan persediaan bagi menghadapi pilihan raya kecil di Kedah itu.

Beliau berkata, tumpuan diberi kepada penyelarasan kegiatan kempen yang dirancang Pemuda, Wanita dan Puteri Umno dengan apa yang dirancang Perhubungan Umno Kedah.

"Penyelarasan ini penting supaya gerakan kempen berjalan secara tersusun dan teratur. Bahagian penerangan Umno akan memainkan peranan yang besar kali ini.

"Bahagian ini juga sudah mengenal pasti kumpulan-kumpulan penceramah yang akan dihantar ke Anak Bukit dan Pendang," katanya sambil menambah penceramah itu akan mempunyai maklumat dan fakta berkaitan semua isu yang mungkin ditimbulkan pembangkang.

Abdullah berkata, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, diberikan tugas khusus menyelaraskan kegiatan kempen di kedua-dua kawasan pilihan raya berkenaan.

Beliau juga tidak bimbang kemungkinan Pas cuba mendapatkan undi simpati, ketika berkempen.

"Tak apalah. Kita dengan cara kita, mereka dengan cara mereka.

"Yang akan menentukan siapa yang akan mendapat undi nanti ialah pengundi-pengundi di kawasan itu. Kita akan menemui pengundi-pengundi kita, kita akan berkempen dari rumah ke rumah," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, BN mempunyai peluang baik untuk menang kedua-dua kerusi itu kali ini.

"Apa yang perlu (untuk menjamin kemenangan) ialah kita perlu bekerja bersungguh-sungguh dan semua jawatankuasa melaksanakan tugas masing-masing sebaik mungkin. Kita juga perlu memastikan semua tugas diselaraskan dengan baik," katanya.

Mengulas kebimbangan kemungkinan insiden pilihan raya kecil Lunas berlaku dalam pilihan raya kecil itu, Abdullah berkata, polis akan meningkatkan pengawasan.

"Seboleh-bolehnya kita tak mahu sebarang insiden pun. Itu yang sebaik-baiknya tetapi kita tidak boleh membuat andaian bahawa tidak akan berlaku apa-apa.

"Polis mesti bersedia mengambil apa juga tindakan yang wajar jika

sekiranya sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku," katanya sambil menggesa kepimpinan parti yang terbabit dalam pilihan raya kecil itu mengingatkan penyokong masing-masing supaya tidak bertindak keterlaluan sehingga menimbulkan suasana tidak baik.